



Rujukan kami : JPNJ.PP.100-2/1/3(64)
Tarikh : 23 Disember 2018

Semua Pengetua dan Guru Besar
Negeri Johor

Tuan,

TATACARA PELAKSANAAN MENGUNDANG ORANG-ORANG KENAMAAN DALAM MAJLIS RASMI SEKOLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa terdapat tatacara yang perlu dipatuhi semasa melaksanakan program / aktiviti / majlis yang melibatkan tetamu kenamaan di kalangan Pegawai Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pemimpin Kerajaan Negeri / Negara.
3. Sehubungan dengan itu, setiap perancangan untuk melaksanakan program / aktiviti / majlis tersebut, pihak tuan perlu mendapatkan khidmat nasihat Pegawai Perhubungan di Jabatan Pendidikan Negeri atau di Pejabat Pendidikan Daerah bagi memastikan tatacara mengundang orang kenamaan adalah dipatuhi seterusnya majlis akan berjalan dengan lancar dan sempurna.
4. Bersama-sama ini disertakan tatacara tersebut seperti dilampiran yang boleh dijadikan garis panduan dan salinan Surat Pekeliling Ikhtisas berkenaan untuk makluman dan tindakan selanjutnya oleh pihak tuan.
5. Kerjasama dan perhatian pihak tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,


(AB RAHIM BIN LAMIN)

Ketua Sektor
Sektor Pengurusan Sekolah
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor

- s.k.
1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
 2. Semua Pegawai Pendidikan Negeri Johor

LAMPIRAN

1. Mengundang Menteri / Timbalan Menteri yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

- a. Sekolah memohon kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri untuk menjemput tetamu kenamaan tersebut.
- b. Jabatan Pendidikan Negeri akan memanjangkan permohonan melalui Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

Jangkamasa : Surat sekolah perlu sampai di Jabatan Pendidikan Negeri dalam tempoh 2 bulan sebelum tarikh pelaksanaan majlis.

2. Mengundang Menteri / Timbalan Menteri di luar Kementerian Pendidikan Malaysia.

- a. Sekolah memohon kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri untuk menjemput tetamu kenamaan tersebut.
- b. Jabatan Pendidikan Negeri akan memohon kebenaran Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia bagi menjemput tetamu tersebut.
- c. Jabatan Pendidikan Negeri akan menjemput tetamu kenamaan tersebut setelah kelulusan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia diperolehi.

Jangkamasa : Surat sekolah perlu sampai di Jabatan Pendidikan Negeri dalam tempoh 2 bulan sebelum tarikh pelaksanaan majlis.

3. Mengundang Y.A.B. Menteri Besar Johor / Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor untuk hadir / merasmikan program / aktiviti / majlis.

- a. Sekolah menyediakan surat jemputan kepada tetamu kenamaan melalui Pengarah Pendidikan Negeri.

Jangkamasa : Surat sekolah perlu sampai di Jabatan Pendidikan Negeri dalam tempoh 5 minggu sebelum tarikh pelaksanaan majlis.

4. Mengundang Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negara.

- a. Sekolah menyediakan surat jemputan kepada tetamu kenamaan melalui Pegawai Pendidikan Daerah masing-masing.

Jangkamasa : Surat sekolah perlu sampai di Jabatan Pendidikan Negeri dalam tempoh 4 minggu sebelum tarikh pelaksanaan majlis.

5. Urusan lawatan kerja oleh Menteri atas urusan Menteri tersebut ke sekolah-sekolah

- a. Sekolah perlu memaklumkan lawatan tersebut ke pengetahuan Jabatan Pendidikan Negeri dan Pegawai Pendidikan Daerah dengan SEGERA.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Blok J Paras 7
Pusat Bandar Damansara
50604 Kuala Lumpur

Telefon : 2556900

KP(BS)8591/Jld.III/(34)
18 Julai 1988

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YB Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 14/1988:

**Keberangkatan DYMM Sultan/Raja Atau
TYT Yang Di Pertua Negeri Menghadiri
Majlis-Majlis Rasmi Sekolah**

Dalam kelendar sekolah lazimnya akan terdapat berberapa peristiwa tertentu yang dianggap penting serta diberi keutamaan sebagai majlis rasmi sekolah. Di antara majlis tersebut termasuklah Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah, Hari Ibubapa, Hari Terbuka, Hari Sukan dan Hari Perasmian Sekolah yang kesemuanya melibatkan kehadiran dif-dif jemputan. Seringkali sekolah akan mengundang pembesar-pembesar negeri, orang-orang kenamaan, YB Menteri ataupun pegawai-pegawai tinggi Jabatan dan Kementerian untuk merasmikan majlis tersebut. Dalam hubungan ini, terdapat juga keadaan di mana sekolah menerima keberangkatan hadir DYMM Sultan/Raja atau TYT Yang Di Pertua Negeri sebagai tetamu utama di majlis yang diadakan itu.

2. Kehadiran DYMM Sultan/Raja atau TYT Di Pertua Negeri dalam mana-mana majlis rasmi sekolah adalah merupakan suatu penghormatan dan penghargaan bukan sahaja kepada sekolah tetapi juga kepada Jabatan dan Kementerian Pendidikan. Kerana itu tentunya pihak sekolah telah mengambil kira segala persiapan yang perlu dilakukan dalam memenuhi apa-apa jua tuntutan protokol dan istiadat. Akan tetapi dukacita dinyatakan bahawa terdapat kejadian di mana pihak sekolah kurang berhati-hati ketika membuat persiapan terutama dalam memastikan kehadiran lain-lain dif jemputan kenamaan dalam majlis yang dirasmikan sendiri oleh DYMM Sultan/Raja atau TYT Yang Di Pertua Negeri Itu. Sebagai tanda hormat serta menjunjung kasih keberangkatan DYMM Yang Di Pertua Negeri, adalah tidak wajar dan kurang manis sekiranya seseorang dif kenamaan yang dinyatakan akan hadir, misalnya dalam buku aturcara, gagal berbuat demikian atau hanya menghantar wakil ke majlis tersebut. Hal ini boleh mengakibatkan salah faham atau kekeliruan.

3. Untuk mengelakkan kejadian perkara-perkara yang kurang menyenangkan, maka Surat Pekeliling Ikhtisas ini adalah dikeluarkan dengan tujuan memperingatkan para pengetua dan guru besar supaya sentiasa berhati-hati dan teliti ketika membuat persiapan bagi majlis rasmi sekolah yang melibatkan keberangkatan DYMM Sultan/Raja atau TYT Yang Di Pertua Negeri. Dengan Surat Pekeliling Ikhtisas ini para pengetua dan guru besar adalah dikehendaki mematuhi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Memaklumkan awal-awal kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan mengenai limpah perkenan DYMM Sultan/Raja atau TYT Yang Di Pertua Negeri berangkat menghadiri sesuatu majlis rasmi sekolah;

- ii. Memastikan terlebih dahulu sama ada dif-dif kenamaan seperti YB Menteri, YB Timbalan Menteri, pegawai-pegawai tinggi Jabatan dan Kementerian benar-benar dapat menghadiri majlis tersebut sebelum nama-nama mereka dimasukkan ke dalam kad jemputan, buku aturcara, atau sebagainya; dan,
- iii. Meminta nasihat serta panduan atau merujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti pihak Istana, Jabatan atau Kementerian mengenai keperluan-keperluan protokol dan istiadat.

Kerjasama dan jasa baik YB Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua Pengetua dan Guru Besar di negeri YB Datuk/Tuan/Puan. Sekian dan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

- s.k
1. Y.B Sdr. Anwar bin Ibrahim
Menteri Pendidikan Malaysia.
 2. Y.B Encik Woon See Chin,
Timbalan Menteri Pendidikan.
 3. Y.B Dr. Leo Michael Toyad,
Timbalan Menteri Pendidikan.
 4. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
 5. Timbalan Ketua Setiausaha I,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
 6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
 8. Timbalan Ketua Setiausaha II,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
 9. Ketua-Ketua Bahagian,
Kementerian Pendidikan Malaysia.
 10. Ketua Unit Perhubungan Awam,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Blok J Paras 7 Utara
Pusat Bandar Damansara
50604 Kuala Lumpur

Telefon : 2556900

KP(BS)8591/Jld.IV/(25)

5 Oktober 1989

1 Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 10/1989:
Aturcara Majlis Rasmi Sekolah

Dengan Surat Pekeliling Ikhtisas ini semua sekolah adalah dikehendaki mematuhi ketetapan-ketetapan sebagaimana berikut dalam menyusun aturcara bagi semua majlis rasmi sekolah seperti Hari Ucapan, Hari Penyampaian Hadiah, Hari Ibulapa, Hari Perasmian Sekolah, Hari Sukan dan sebagainya.

- i. Penyampaian ucapan hendaklah dilakukan oleh TIGA pihak sahaja iaitu terdiri daripada:
 - a. Pengetua / Guru Besar
 - b. Pengerusi Persatuan Ibulapa Guru atau Pengerusi Lembaga pengurus Sekolah; dan
 - c. Tetamu Khas


JIKA MAJLIS DIHADIRI OLEH DYMM SULTAN ATAU TYT YANG DIPERTUA NEGERI, MAKA PENYAMPAIAN UCAPAN HENDAKLAH DILAKUKAN OLEH PIHAK-PIHAK BERIKUT SAHAJA:

- a. Pengetua/ Guru Besar.
 - b. Wakil Kementerian Pendidikan dan,
 - c. DYMM Sultan atau TYT Yang Dipertua Negeri.
- ii. Bacaan doa [jika ada] hendaklah tepat dan ringkas.
 - iii. Semua majlis hendaklah diatur supaya berakhir selewat-lewatnya pada jam 6.00 petang.

Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua Pengetua dan Guru Besar di negeri Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

s.k

1. Y.B Saudara Anwar Ibrahim
Menteri Pendidikan Malaysia.
2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia.
3. Y.B. Encik Woon See Chin
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia.
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia.
5. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.
Kementerian Pendidikan Malaysia.
6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia.
7. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan Malaysia.
8. Timbalan Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia.
9. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia.
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia.



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.VI/ (31)

Tarikh : 12 September 1991

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 9/1991 :
Permohonan Mengundang Orang-Orang Kenamaan
Ke Upacara Sekolah/Institusi Pendidikan

Pindaan adalah dibuat ke atas para 2, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1991, bertajuk 'Mengundang Orang-Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah/Institusi Pendidikan' yang dikeluarkan pada 16 Mei 1991.

2. Dengan Surat Pekeliling Ikhtisas ini, semua sekolah/institusi pendidikan yang ingin mengundang Pembesar Negeri atau Orang Kenamaan ke upacara pembukaan dan perasmian sekolah sahaja dikehendaki terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan. Undangan untuk upacara-upacara lain adalah mengikut peraturan yang ada sekarang.

3. Undangan kepada Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Pengarah Bahagian dan pegawai tinggi Kementerian lainnya hendaklah dibuat melalui Pengarah Pendidikan Negeri.

Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah/institusi pendidikan di negeri tuan. Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan
 8. Timbalan Ketua Setiausaha II
 9. Semua Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan
 10. Ketua Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BLOK J, PARAS 7
PUSAT BANDAR DAMANSARA
50604 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2556900
Fax : 03-2543107
Kawat : "PELAJARAN"

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.VI (95)

Tarikh : 16 Mei 1991

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1991 :
Mengundang Orang-Orang Kenamaan
Ke Upacara Sekolah/Institusi Pendidikan

Pada masa-masa yang lepas sudah menjadi kelaziman pihak sekolah/institusi-institusi pendidikan mengundang orang-orang tertentu untuk merasmikan upacara-upacara sekolah/institusi pendidikan.

Mulai dari sekarang segala cadangan undangan ke upacara tersebut hendaklah dikemukakan ke Kementerian Pendidikan dahulu. Kementerian Pendidikan akan menentukannya sebelum sesuatu undangan boleh dilakukan.

Sila maklumkan kepada semua sekolah/institusi pendidikan mengenai arahan ini.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan
 8. Timbalan Ketua Setiausaha II
 9. Semua Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan
 10. Ketua Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan